


**FINCO**

# KESIAPSIAGAAN BENCANA BANJIR DI SEKOLAH

PETUA DAN PANDUAN



Rakan kerjasama



# Penghargaan

FINCO ingin mengucapkan terima kasih kepada setiap penyumbang yang telah meluangkan masa dan usaha untuk mengemukakan petua dan panduan persediaan banjir. Petua dan panduan ini membantu sekolah-sekolah untuk bersedia menghadapi banjir lalu mengurangkan kerosakan harta benda dan memudahkan kerja pembersihan dan pemulihan.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli industri kewangan FINCO atas komitmen mereka untuk mengurangkan impak bencana, memastikan pelajar dapat terus memberi tumpuan kepada pendidikan mereka.

Selanjutnya, kami menghulurkan penghargaan kepada rakan kongsi dan rakan sekerja atas sumbangan dan panduan mereka sepanjang proses ini. Kecekapan dan pandangan mereka memainkan peranan penting dalam membentuk dokumen Kesiapsiagaan Bencana Banjir Di Sekolah: Petua Dan Panduan ini.

## Financial Industry Collective Outreach (FINCO)

(Company No.: 201701026533)

 Level 2, Bangunan AICB, 10 Jalan Dato' Onn, 50480, Kuala Lumpur

 [info@finco.my](mailto:info@finco.my)

 [finco.my](http://finco.my)

 [finco\\_my](https://www.instagram.com/finco_my)

 [fincomalaysia](https://www.facebook.com/fincomalaysia)


 [finco\\_my](https://www.youtube.com/finco_my)

## Copyright © FINCO 2025

All rights reserved. No part of this publication may be produced, stored in or introduced into a retrieval system, or transmitted in any form or by any means (geographical, electronic, digital, photocopying, recording, taping or otherwise), without the prior permission of FINCO.

# Indeks

|   |           |
|---|-----------|
| <b>Penghargaan</b>  | <b>2</b>  |
| <b>Indeks</b>   | <b>3</b>  |
| <b>1.0 Pengenalan</b>   | <b>4</b>  |
| <b>2.0 Kesiapsiagaan Bencana Banjir Di Sekolah: Petua Dan Panduan</b>         | <b>5</b>  |
| 2.1 Susun dan ikat perabot sekolah  | 5         |
| 2.2 Rak dan kabinet pada dinding  | 6         |
| 2.3 Pelan latihan dan kecemasan bencana banjir                                | 7         |
| 2.4 Menghalang kemasukan air banjir   | 8         |
| 2.5 Pengurusan saluran air  | 8         |
| 2.6 Lantai dan dinding kalis air  | 9         |
| 2.7 Perabot mudah alih dan bahan tahan karat                                  | 10        |
| 2.8 Penghadang banjir kekal atau boleh tanggal di pintu dan tingkap           | 11        |
| 2.9 Pam automatik, generator sandaran, dan injap satu hala (non-return valve) | 12        |
| <b>3.0 Bahan Rujukan Lain</b>   | <b>13</b> |
| Senarai semak sebelum, semasa dan selepas banjir                              | 13        |
| Sumber rujukan tambahan   | 15        |



# 01 Pengenalan

## FINCO dan Bidang Impak *Disaster Relief*

Financial Industry Collective Outreach (FINCO) merupakan inisiatif kolaboratif yang digerakkan oleh institusi kewangan di Malaysia dengan panduan dari Bank Negara Malaysia. Kerjasama ini ditubuhkan pada tahun 2017 dengan matlamat memberikan bimbingan dan peralatan pendidikan kepada kanak-kanak dan belia yang kurang bernasib baik agar mereka dapat mencapai impian hidup mereka. Bidang impak FINCO merangkumi *English Proficiency, Life Aspiration, Financial Literacy and Disaster Relief*.

Bagi bidang impak *Disaster Relief*, FINCO bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan para guru untuk mengenal pasti sekolah atau pelajar yang terkesan oleh bencana. Daripada pembaikpulihan bilik darjah yang terjejas oleh banjir ke persediaan perabot dan peralatan, kami bekerjasama dengan institusi kewangan untuk mengurangkan impak bencana agar pelajar dapat terus memberi tumpuan kepada pendidikan mereka.

### Adakah sekolah anda terjejas oleh Bencana Alam seperti Banjir?

FINCO bekerjasama rapat dengan institusi kewangan untuk menyokong proses pemulihan sekolah dengan memastikan bantuan dalam bentuk barangan dan kewangan dapat memenuhi keperluan setiap sekolah secepat mungkin. Kami juga menyumbang daripada segi kesukarelawan.



Sila hubungi kami melalui emel di [info@finco.my](mailto:info@finco.my) sekiranya bantuan diperlukan!

## Kesiapsiagaan Bencana Banjir Di Sekolah: Petua Dan Panduan

Dengan itu, FINCO membantu sekolah dengan mengumpulkan petua dan panduan di mana individu, perniagaan, dan sekolah bersedia menghadapi banjir untuk mengurangkan kerosakan harta benda dan memudahkan kerja pembersihan serta pemulihan. Petua dan panduan dinilai berdasarkan Keberkesanan, Kemudahan Pelaksanaan, dan Kos Pelaksanaan. Petua dan panduan dikumpulkan dalam bahan rujukan ini untuk diedarkan kepada sekolah-sekolah yang berisiko mengalami banjir, untuk mempersiapkan mereka menghadapi bencana banjir pada masa hadapan.

### Adakah anda ingin menyumbang petua dan panduan baharu?

Sumbang petua dan panduan melalui Borang Google ini:  
<https://bit.ly/tipsdanpanduan>



Sila hubungi kami melalui emel di [info@finco.my](mailto:info@finco.my) sekiranya ada sebarang pertanyaan!



## 02 Kesiapsiagaan Bencana Banjir Di Sekolah: Petua Dan Panduan

Petua dan panduan berikut disusun mengikut kategori berikut untuk memudahkan rujukan dan pengaplikasian petua dan panduan:



**Langkah-langkah Pencegahan**



**Tindakan Kecemasan**



**Persediaan Infrastruktur**



**Latihan dan Pendidikan**



**Pemulihan Selepas Banjir**



**Teknologi dan Inovasi**

Beberapa petua dan panduan mungkin sesuai dalam lebih daripada satu kategori. Dengan pengkategorian ini, diharapkan bahan rujukan ini dapat memberikan panduan yang terperinci dan mudah difahami bagi membantu sekolah-sekolah bersedia untuk bencana akan datang dan pulih daripada impak banjir.

### 2.1 Susun dan ikat perabot sekolah

#### Kategori



**Persediaan Infrastruktur**



**Pemulihan Selepas Banjir**

#### Sumber yang diperlukan

- Tali

#### Penyumbang

- Noor Julaiha Binti Mohd Johan, Guru SK Canossian Convent, Segamat, Johor
- Abdul Rahim Bin Ab Latip, Guru SK Segamat Kecil, Johor

Satu amalan terbaik yang boleh dilakukan adalah dengan menyusun dan mengikat perabot sekolah sebelum banjir. Contohnya, meja serta kerusi murid di sekitar kelas boleh diikat pada tiang kelas, manakala meja dan kerusi kantin pula diikat bersama-sama dengan tiang kantin.

Dengan menyusun dan mengikat perabot ini, kerosakan perabot akibat banjir boleh dikurangkan, malah mampu melindungi perabot daripada kehilangan atau kerosakan yang lebih serius akibat dibawa arus banjir.



## 2.2 Rak dan kabinet pada dinding

Kategori



Persediaan Infrastruktur



Teknologi dan Inovasi

### Sumber yang diperlukan


- Rak dan kabinet pada dinding
- L-cabinet

### Penyumbang



- Nursakinah Binti Mohd Nor, SK Segamat Kecil
- Zulkepli B. Mohamad, Pengusaha Kantin SK Segamat Kecil

Terdapat juga petua dan panduan untuk memasang barangan di tempat tinggi, contohnya rak atau kabinet atas dinding. Buku-buku teks dan bahan buku yang lain boleh disimpan di rak kelas yang terletak di tingkat 3 dan 4. Selain itu, di kantin, para yang tinggi dibina untuk menempatkan barangan dan kelengkapan yang kecil dan sesuai seperti periuk, cawan, pinggan, dan lain-lain.


Tindakan ini dirancang untuk melindungi harta benda dan bahan pengajaran sekolah daripada kerosakan semasa banjir. Penggunaan para dan meja tinggi di kantin membantu mengurangkan kadar kerugian serta kerosakan barang dan peralatan pengusaha kantin.





## 2.3 Pelan latihan dan kecemasan bencana banjir


| Kategori                      |  Langkah-langkah Pencegahan  |  Tindakan Kecemasan  |
|-------------------------------|---|---|
| <b>Sumber yang diperlukan</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ahli jawantankuasa bencana yang melibatkan warga sekolah dan ahli komuniti</li> <li>• Rangka tugas</li> <li>• Pelan latihan</li> </ul> | <b>Penyumbang</b>   |
|                               |   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Andrea Christine Filmer, Wartawan, Pulau Pinang</li> <li>• Elmi Azri, Pegawai SISC+ Bahasa, PPD Kota Setar, Kedah</li> </ul> |

Adalah penting bagi setiap sekolah, terutamanya yang terletak di kawasan berisiko banjir, untuk menjalankan latihan banjir secara berkala. Satu pelan latihan perlu disediakan untuk menyiapiagakan warga sekolah.

- 

Pelajar dan guru perlu terlibat dalam latihan ini untuk memahami langkah-langkah yang perlu diambil ketika menghadapi banjir, termasuk rancangan evakuasi, amalan proaktif seperti penyusunan perabot dan peralatan elektronik,
- 

Kenal pasti individu yang bertanggungjawab mematikan bekalan elektrik dan gas untuk mengelakkan kerosakan dan menjamin keselamatan,
- 

Utamakan bekalan kit pertolongan cemas, dan
- 

Wujudkan saluran komunikasi yang jelas dengan ibu bapa dan pihak berkepentingan lain.

Pada masa yang sama, latihan dan persediaan banjir harus disalurkan kepada pelajar, dalam cara yang seronok dan interaktif, supaya semua pihak sedia menghadapi banjir dengan lebih tenang dan berkesan.

Jangan lupa juga untuk melibatkan ahli komuniti seperti ibu bapa dalam usaha menyiapiagakan banjir, contohnya melibatkan ahli komuniti dalam pemindahan semua perabot dan bahan penting ke tingkat atas.

## 2.4 Menghalang kemasukan air banjir

### Kategori



Persediaan Infrastruktur



Teknologi dan Inovasi

#### Sumber yang diperlukan

- Tarpaulin
- Beg pasir
- Cat kalis air
- Benteng air

#### Penyumbang

- Mohd Shah Wareman, Pengurus Bank, Johor
- Wong Boh Leng, Admin Pejabat, Perak

Untuk melawan ancaman banjir, satu taktik ringkas dan berkesan adalah menutup setiap pintu dengan plastik dan menindihnya menggunakan beg pasir. Petua dan panduan ini mencegah air dan lumpur memasuki kelas atau premis, dengan pintu diperkuat menggunakan beg pasir atau plastik tarpaulin sebagai benteng. Langkah-langkah tambahan termasuk mengecat dinding bata dengan cat kalis air dan memperkuatkan pintu masuk dengan penghalang banjir aluminium (flood barrier).

Pendekatan sedemikian menghalang kemasukan air banjir ke premis, lalu membantu dalam usaha penjagaan kebersihan, dan melindungi harta benda dan peralatan daripada kerosakan akibat banjir.



## 2.5 Pengurusan saluran air

### Kategori



Persediaan Infrastruktur



Langkah-langkah Pencegahan

#### Sumber yang diperlukan

- Cangkul
- Plastik sampah

#### Penyumbang

- Harith Naufal, Pelajar, Terengganu

Mengamalkan kebersihan dan pemeliharaan saluran air adalah amalan terbaik untuk mencegah banjir. Proses ini melibatkan penjagaan dan pembersihan saluran secara berkala. Langkah ini khususnya fokus pada memastikan sistem pamparitan tidak tersumbat, yang merupakan punca utama banjir. Dengan melakukan tugas ini secara rutin, kita tidak hanya menjaga saluran air tetapi juga secara proaktif mengurangkan risiko banjir yang mungkin timbul akibat sumbatan dalam sistem pamparitan. Ini adalah langkah praktikal dan berkesan dalam memastikan kecekapan sistem air dan keselamatan komuniti dari ancaman banjir.

## 2.6 Lantai dan dinding kalis air

### Kategori



Persediaan Infrastruktur



Pemulihan Selepas Banjir

### Sumber yang diperlukan

- Salutan lantai dan dinding kalis air
- Cat kalis air (waterproof coating)
- Berus, roller dan peralatan asas pemasangan

### Penyumbang

- PIAM (Persatuan Insurans Am Malaysia)

Melindungi kawasan sekolah daripada risiko kerosakan ketika banjir dengan menggunakan salutan kalis air pada lantai dan dinding. Kaedah ini lebih mudah diselenggara serta dapat mengurangkan kerosakan struktur bangunan.

Penggunaan lantai dan dinding kalis air memastikan ruang sekolah lebih tahan terhadap air, sekali gus memudahkan proses pembersihan selepas banjir. Salutan ini juga lebih murah dan cepat dipasang berbanding kerja menukar jubin atau lantai kayu yang rosak.



## 2.7 Perabot mudah alih dan bahan tahan karat

Kategori



Persediaan Infrastruktur

### Sumber yang diperlukan

- Perabot mudah alih (meja lipat, rak bergerak, troli)
- Meja dan kerusi dengan rangka tahan karat
- Kabinet besi atau plastik berkualiti tinggi

### Penyumbang

- PIAM (Persatuan Insurans Am Malaysia)

Penggunaan perabot mudah alih dan bahan tahan karat merupakan langkah praktikal untuk mengurangkan kerosakan semasa banjir. Perabot yang ringan dan boleh dipindahkan memudahkan kerja mengangkat atau mengalihkan barang ke tempat lebih tinggi dengan cepat. Dalam masa yang sama, bahan tahan karat seperti besi anti-karat atau plastik kukuh membantu meminimumkan risiko kerosakan apabila terdedah kepada air.

Tindakan ini bukan sahaja mengurangkan kerugian selepas banjir, malah memudahkan proses pembersihan dan memastikan persekitaran sekolah dapat dipulihkan dengan lebih cepat dan selamat.



## 2.8 Penghadang banjir kekal atau boleh tanggal di pintu dan tingkap

### Kategori



Persediaan Infrastruktur



Teknologi dan Inovasi

### Sumber yang diperlukan

- Penghadang banjir kekal
- Penghadang banjir boleh tanggal
- Alat pemasangan dan penstabil (bracket, sealant, skru)

### Penyumbang

- PIAM (Persatuan Insurans Am Malaysia)

Pemasangan penghadang banjir di pintu dan tingkap membantu menghalang air banjir daripada memasuki bangunan. Penghadang boleh datang dalam bentuk kekal yang sentiasa terpasang, atau boleh tanggal yang membolehkan pemasangan cepat semasa amaran banjir. Kaedah ini memberikan perlindungan fizikal yang langsung terhadap kemasukan air.

Kaedah ini sesuai digunakan di ruang sekolah aras bawah bagi meminimumkan kerugian selepas banjir, dan mempercepat proses pemulihan sekolah atau pejabat selepas banjir.



## 2.9 Pam automatik, generator sandaran, dan injap satu hala (non-return valve)

### Kategori



Persediaan Infrastruktur



Teknologi dan Inovasi

### Sumber yang diperlukan

- Pam automatik untuk saluran air dan longkang
- Generator sandaran untuk bekalan elektrik semasa banjir
- Injap satu hala (non-return valve) bagi saluran keluar air

### Penyumbang

- PIAM (Persatuan Insurans Am Malaysia)

Pemasangan pam automatik, generator sandaran, dan injap satu hala (non-return valve) membantu menguruskan aliran air banjir dengan lebih berkesan. Pam automatik memastikan air banjir dapat dialirkan keluar dari kawasan sekolah atau bangunan dengan cepat, manakala generator sandaran mengekalkan operasi pam dan peralatan elektrik lain walaupun bekalan elektrik terganggu. Injap satu hala pula menghalang air daripada kembali memasuki bangunan melalui saluran keluar.

Jangan lupa untuk dapatkan pendapat pakar tentang keperluan pam, dan lokasi pemasangan.



## 03 Bahan Rujukan Lain

### Senarai semak sebelum, semasa dan selepas banjir

#### Sebelum banjir

| No.  | Perkara Tindakan   | Status (✓) | Nota Ringkas  |
|--|--|------------|---|
| <b>1. Penilaian Risiko &amp; Infrastruktur</b> |  |            |   |
| 1.1  | Kenal pasti dan kategorikan risiko banjir sekolah (Rendah/Sederhana/Tinggi) berdasarkan peta & sejarah banjir. |            | Rujuk Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)/pihak berkuasa.                 |
| 1.2  | Tinggikan aset penting (server, suis elektrik, buku) sekurang-kurangnya 0.5 - 1.0 m dari paras lantai.         |            | Guna rak/pelantar yang kukuh.   |
| 1.3  | Pastikan semua laluan pemindahan, tangga, dan pintu pagar selamat & berfungsi.                                 |            |   |
| 1.4  | Semak dan bersihkan longkang, bumbung, dan kolam tadahan.  |            | Elak air bertakung/tersumbat sebelum musim hujan.                         |
| <b>2. Komunikasi &amp; Latihan</b>             |  |            |   |
| 2.1  | Wujudkan Rantian Komunikasi Kecemasan (WhatsApp/Telegram/SMS) antara semua staf dan guru.                      |            | Kemas kini nombor setiap tahun.   |
| 2.2  | Sediakan Pelan Tindakan Banjir Sekolah yang jelas: Laluan evakuasi & tempat berkumpul selamat.                 |            | Rujuk Petua 2.3   |
| <b>3. Logistik &amp; Bekalan Kecemasan</b>     |  |            |   |
| 3.1  | Langgan dan pantau amaran cuaca rasmi dari MetMalaysia dan JPS.  |            | Aktifkan notifikasi.  |
| 3.2  | Sediakan dan simpan stok kecemasan (Beg Kecemasan Sekolah).  |            | Makanan kering, air, kit kebersihan, lampu suluh, peti pertolongan cemas. |

#### Semasa banjir

| No.                                    | Perkara Tindakan  | Status (✓) | Nota Ringkas                          |
|--|---|------------|---------------------------------------|
| <b>1. Keselamatan Murid &amp; Staf</b> |   |            |                                       |
| 1.1                                    | Pindahkan semua murid dan kakitangan ke Tempat Berkumpul Selamat/Kawasan Tinggi mengikut pelan. |            | Jauhkan dari kawasan air deras/cerun. |

|     |  |  |  |
|-----|--|--|--|
| 1.2 | Pantau dan ikuti arahan rasmi dari MetMalaysia/ JPS/Pihak Berkuasa.            |  |  |
| 1.3 | Jika air naik hampir ke paras lantai, matikan suis utama elektrik serta-merta. |  |  |

### Selepas banjir

| No.       | Perkara Tindakan  | Status (✓) | Nota Ringkas  |
|-----------|---|------------|---|
| <b>1.</b> | <b>Penilaian &amp; Pembersihan Awal</b>   |            |   |
| 1.1       | Sahkan kawasan sekolah benar-benar selamat sebelum dibuka semula.                                       |            | Periksa struktur, tiada bahaya elektrik/haiwan.                         |
| 1.2       | Lakukan pembersihan menyeluruh.   |            | Pakai peralatan perlindungan diri (PPE).                                |
| 1.3       | Jangan lupa bahawa bantuan sukarelawan boleh diuruskan melalui untuk kerja pembersihan atau sumbangan.  |            | Hubungi FINCO di <a href="mailto:contact@finco.my">contact@finco.my</a> |
| <b>2.</b> | <b>Pemulihan &amp; Penyelenggaraan</b>  |            |   |
| 2.1       | Uji semula semua peralatan kritikal (pam air, penjana kuasa, penghadang banjir) selepas dibersihkan.    |            | Pastikan berfungsi untuk masa hadapan.                                  |
| 2.2       | Dokumentasikan kos pembaikan/kerugian dan kemas kini Pelan Kecemasan berdasarkan pengalaman banjir ini. |            |   |

## Sumber rujukan tambahan

1

### Portal NADMA

Portal Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) merangkumi maklumat penting berkenaan Bencana banjir, termasuk informasi bencana, panduan pengurusan banjir, dan makluman penting semasa bencana.



<https://www.nadma.gov.my/bm/>

2

### Kit Pengurusan Bencana Banjir Celcomdigi

Kit Pengurusan Bencana Banjir adalah inisiatif tanggungjawab korporat CelcomDigi untuk meningkatkan kesedaran mengenai langkah keselamatan untuk melindungi diri dan orang yang tersayang daripada risiko ketika banjir.



<https://bit.ly/celcomdigitips>



# FINCO

## Financial Industry Collective Outreach (FINCO)

(Company No.: 201701026533)

Level 2, Bangunan AICB, 10 Jalan Dato' Onn, 50480, Kuala Lumpur

✉ [info@finco.my](mailto:info@finco.my)

📷 [finco\\_my](https://www.instagram.com/finco_my)

📘 [fincomalaysia](https://www.facebook.com/fincomalaysia)

📺 [finco\\_my](https://www.youtube.com/channel/UC...)

[finco.my](https://www.finco.my)

